

Pembudayaan integriti perlu berterusan

HARI ini, setiap 5 November, masyarakat Malaysia menyambut Hari Integriti Nasional. Syabas dan tahniah kepada Institut Integriti Malaysia (IIM) yang komited memperkasa integriti, iaitu budaya kerja beramanah dan berkualiti dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Justeru, pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN) oleh Perdana Menteri pada 2004 berjaya membawa negara ke mercu tanda dalam meningkatkan pembudayaan integriti. Tema sambutan Hari Integrasi Nasional tahun ini ialah ‘Integriti Pemangkin Pembangunan Mapan.’ Tema ini cukup menarik untuk dibahas kerana negara sedang menuju ke arah merealisasikan Wawasan 2020.

Kejayaan Wawasan 2020 dan Misi Nasional kelak banyak bergantung kepada komitmen dan kesedaran masyarakat, terutama ahli politik. Masyarakat akan terus

memantau perkembangan dan perjalanan hala tuju negara dengan lebih dekat.

Pembudayaan integriti perlu disemarakkan dan diperluaskan secara berterusan dalam kalangan generasi muda, terutama golongan belia. Peranan belia cukup penting kerana mereka sering dilaung-laungkan sebagai aset masa depan negara. Belia juga perlu lebih prihatin dan berhemah untuk mencegur mana-mana pihak yang cuba memperlekehkan soal integriti. Saya percaya belia sebagai ejen sosial boleh membawa perubahan dalam memajukan masyarakat dan negara. Belia perlu lebih terbuka dan proaktif dalam melontarkan gagasan mengenai integriti sebagai pemangkin pembangunan mapan.

Pembangunan kebendaan dikecapi selama ini banyak menghanyutkan generasi muda dalam kancan masalah sosial yang merugikan semua pihak. Pembangunan

kerohanian perlu dijadikan teras dalam menentukan hala tuju pembangunan kemajuan dan kemasyarakatan agar kita terus memahami erti kehidupan.

Saya melihat kepincangan dalam sistem sosial masyarakat memberi kesan kepada pembangunan modal insan. Apakah pembangunan kebendaan menjanjikan kebahagiaan dalam kehidupan manusia? Setiap agama menuntut penganutnya menjalani kehidupan sederhana dengan mementingkan nilai integriti, iaitu kejujuran dan amanah. Kelemahan individu yang sering mencari jalan pintas untuk mendapatkan pembangunan material akhirnya memberi kesan kepada pembangunan kerohanian sehingga mereka taksub dengan nikmat dunia.

Pembudayaan integriti perlu disemai sejak dari kecil dengan ajaran agama sebagai teras membentuk modal sosial yang boleh meningkat-

kan pembangunan komuniti dan negara. Budaya hiburan melampau dan semakin berleluasa perlu dipantau oleh pihak berkuasa agar generasi muda tidak terus terbabas, liar dan tersasar daripada tanggungjawab untuk menuntut ilmu, seterusnya membangunkan keluarga, masyarakat dan negara.

Pembudayaan integriti juga perlu disuburkan dalam interaksi sosial yang berlangsung dalam kehidupan sehari-hari oleh masyarakat pelbagai kaum. Kita perlu berbangga, kepelbagai kaum di Malaysia dengan mementingkan nilai integriti secara kolektif. Rukun Negara menjadi satu wadah penting untuk kita menekankan benih integriti dalam pemikiran masyarakat kita.

Benih ini perlu dibaja dan disemai secara ikhlas agar ia mendatangkan satu kekuatan dan kebanggaan kepada masyarakat dan negara. Masyarakat perlu mengambil

perhatian mengenai tanggungjawab untuk memperkenalkan nilai integriti dalam kehidupan generasi muda.

Pembudayaan integriti mengambil masa dan perlu dijadikan topik perbincangan yang berterusan antara pemimpin dan rakyat.

Dialog berterusan amat diperlukan. Justeru, hubungan antara pemimpin, pembuat dasar dan rakyat perlu berpusatkan integriti.

Semangat ‘kepemimpinan melalui teladan’ untuk menyuntik mesej pembudayaan integriti amat perlu dalam usaha mendidik ahli masyarakat.

Kita tidak mahu tema integriti hanya dijadikan buatan di kedai kopitiam kerana melihat ahli politik mengamalkan integriti politik masing-masing.

DR SARJIT S GILL,
Fakulti Ekologi
Manusia UPM